

Sampai bila sumber minyak dan mata wang tidak diguna sebagai senjata? **Melawan AS dengan ekonomi**

MUKADIMAH

REARS! Tun Dr. Mahathir Mohamad kepada gambar-gambar penderaan tentera Amerika Syarikat (AS) ke atas rakyat Iraq yang ditahan di penjara Abu Gharib yang tersiar dalam akhbar Jumaat lalu cukup sinis.

"Manusiakah yang sanggup buat begini? Ini tingkah laku orang tidak bertamadun," kata anvi kepada wartawan AZIZ ISHAK, ZIN MAHMUD, AZMAN ANUAR dan NOOR AZAM SHAIRI yang menemu bual beliau di pejabatnya di Putrajaya, petang kelmarin.

Bekas Perdana Menteri itu nyata tidak dapat menyembunyikan rasa jengkelnya terhadap realiti yang berlaku di Iraq yang sekarang ini sudah tidak dapat disembunyikan lagi oleh AS. Itulah juga perasaan yang dikongsi oleh warga dunia yang masih ada bati dan budi.

rahan itu holeh ditejemahkan sehingga memberikan kesan (soa) Dr. Mahathir.

Dalam wawancara dengan *Mingguan Malaysia* yang disiarkan ini, Dr. Mahathir memberikan jawapan kepada soalan yang dilontarkannya itu.


Beliau mengulangi cadangan yang pernah disuarakannya suatu ketika dulu menggesa negara-negara Islam bersatu melawan keangkuhan AS bukan melalui kekuatan ketenteraan tetapi keupayaan ekonomi.

"Hanya dengan cara ini kita akan menang," katanya.

Dalam wawancara ini, Dr. Mahathir tidak hanya menyentuh tentang masalah di Iraq tetapi mengupas isu asas yang menjadi punca kepada ketegangan dunia hari ini - krisis Palestin* Israel sejak lebih setengah abad lalu.


Sungguhpun mengakui bahawa ini adalah kesllapan dasar AS yang cenderung menyokong dan membela Israel, beliau realistik apabila mengingatkan bahawa kita tidak boleh mengharapkan dua negara itu membetulkan kepincangan yang ada.

Katanya: "Ini salah umat Islam sendiri. Kita betulkan kesalahan kita sendiri. Kita bertanggungjawab untuk mempertahankan ummah tetapi apakah kita membuat perediaan untuk mempertahankannya?"



TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

**Kalau
kita mempunyai
otot yang paling
kuat tetapi kita
tidak gunakan otot
itu apabila orang
datang tumbuk,
akan jatuh
juga**



Tun melihat secara umum pencero bohan AS ke atas Iraq, ctari awal se-hinggalah sekarang?

TUN DR. MAHATHIR: Pads pendapat saya, semua ini berpunca daripada terlalu taksud dengan demokrasi, seolah-olah ia boleh oienyeleaaikan semua kepincangan daiam masyarakat. Oleh kerana terlalu ghairah mereka sanggup menggunakan cara yang tidak demokratik untuk memaksa negara-negara lain menerima sistem itu, kononnya untuk menolong mereka.

Im satu kepercayaan yang kolot, saraa kolotnya dengan kepercayaan dulu bahwa soBialiam dan komunisme boleh menghilangkan kepincangan dalam masyarakat apabila semua orang memiliki kekayaan yang sama. Tetapi selepas 70 tahun dan setelah mati berpuluh juta manusia baru orang tahu bahawa sosialisme dan komuaiame tidak menyeleBai-kan apa-apa masalah.

Demikian juga dengan demokrasi. Mereka akan sedar kemudian nanti bahawa ia tidak boleh menyelesaikan semua masalah. Ini kerana asas demokrasi ialah pendapat inajoriti. Mereka menyebut *vox populi vox dei* iaitu suara ramai adalah suara Tuhan. Ini kepercayaan yang tidak berasas sama sekali kerana majoriti boleh memberikan pendapat yang tidak baik sama sekali.

Apa yang berlaku di Serbia dulu adalah contoh yang terbaik. Oleh kerana bangsa Serb lebih ramai daripada orang Croat, Bosnia dan Slovenia mereka percaya majoriti tentu betul dan baik. Tetapi oleh kerana mereka masih mempunyai pegangan yang terlalu kuat kepada etnik dan mereka itu majoriti, kebencian kepada puak lain menyebabkan mereka melakukan penindasan.

Selain itu, demokrasi juga satu sistem yang menggalakkan korupsi. Undi umpamanya boleh dibeli dengan janji-jatyi tertentu dan orang tidak lagi mengundi kerana dasar-dasar yang baik. Kadang-kadang pengundi akan menuntut sesuatu sebelum memberikan sokongan. Jadi ada kalanya bukan pendapat yang baik diutarakan dalam demokrasi tetapi pendapat yang sebenarnya tidak baik.

Sebenarnya Presiden George Bush tidak menang dalam pilihan raya. Kemenangannya itu ditentukan oleh hakim-hakim yang didukung oleh Republikan. Lagi pula di AS mereka yang mengundi kurang daripada 50 peratus. Ini bermakna kalau menang sekalipun mereka hanya mendapat undi minoriti daripada seluruh pengundi. Di mana ada demokrasiya di situ apabila ia ditentukan oleh minoriti? Sistem di AS pula ada lobi; siapa ada banyak duit boleh melobi. Keputusan dibuat berdasarkan kepada kekuatan lobi. Kadang-kadang kerana duit dan lobi itu mereka menguasai sebilangan besar undi.

Jadi apakah pilihan yang ada selain daripada demokrasi?

TUN DR. MAHATHIR: Ini semua menunjukkan walaupun demokrasi adalah sistem terbaik yang diadakan oleh manusia ia tetap tidak bebas daripada kecacatan. Untuk memaksakannya ke atas seluuh negara sehingga sanggup berperang metnbunuh orang adalah sesuatu yang cukup buruk. Kita menentang ini dan sejak awal lagi kita memberitahu ini bukan caranya untuk menyelesaikan masalah.

Tetapi Presiden Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair tidak menghiraukan pandangan dunia kerana mereka hendakkan peperangan. Mereka Skir apabila menang perang masalah akan selesai kerana mereka membawa demokrasi ke Iraq.

Tetapi di Iraq ada tiga puak - Syiah, Sunni dan Kurdish. Mereka ini tidak boleh bekejasama. Kalau ikut demokrasi, pihak yang akan menang sudah tentunya Syiah. Mereka ini tidak semestinya akan berlaku adil kepada Sunni dan Kurdish. Apa maknanya kebaikan demokrasi kalau hasilnya ialah tekanan ke atas puak minoriti?

Ketaksuban kepada demokrasi ini menyebabkan AS merasakan bahawa semua masalah akan selesai.

Apakah yang akan berlaku kalau hari ini AS keluar dari Iraq?

TUN DR. MAHATHIR: Kalau diadakan pilihan raya di Iraq sekarang puak Syiah akan menang. Mereka ini sangat berseteru dengan orang Sunni dan Kurdish dan mungkin akan bertindak ganas terhadap dua kelompok itu. Ini bermakna walaupun majoriti memilib kerajaan tetapi tidak semestinya ia sebuah kerajaan

yang adil.

Orang Eropah tidak faham tentang ini. Mereka mendikirkan kerana di Eropah demokrasi bejalan dengan baik maka di mana-mana juga ia akan bejalan dengan baik, sama seperti dulu ia menganggap sosialisme akan membawa kesamarataan. Tetapi kita sekarang tahu bahawa sosialisme dan komunisme telah memiskinkan banyak negara.

Saya berpendapat daiam perkara ini pihak yang mencetuskan masalah perlu menyelesaikannya. Itu tanggungjawab mereka. Setiap kematian di Iraq termasuk tentera AS adalah disebabkan oleh Bush dan Blair, Mereka ini yang bersalah dan mereka yang harus mencari penyelesaian yang adil. Janganlah hanya kerana hendak menyelamatkan Israel mereka sanggup menghalaiakan pembunuhan.

Kalau mereka menghalaiakan pembunuhan, jangan marah kalau orang lain juga menggunakan cara itu. Kalau hendak selesaikan masalah ini mereka mesti teri* ma hakikat bahawa yang menyebabkan kepincangan di Asia Barat ialah kezaliman ke atas rakyat Palestin.

Kezaliman ini tidak ada kena mengena dengan agama tetapi sebenarnya berpunca akibat rampasan wilayah yang dilakukan ke atas orang Palestin. Siapa pun yang wilayahnya dirampas akan melawan. Kalau kerajaan mengaku kalah tidak semestinya rakyat akan ikut mengaku kalah. Itulah yang kita lihat di Iraq setelah kerajaan Saddam Hussein ditumbangkan.

Kita lihat juga manusia jenie apa tentera AS yang berperang di Iraq ini, begitu zalim. Dulu mereka kecam Malaysia kerana menahan orang itu dan ini di bawah ISA (Akta Keselamatan Daiam Negeri). Kita tahan melalui undang-undang tetapi apa yang berlaku di Iraq itu tiada undang-undang. Tahanan itu tidak pernah dibicarakan malah diseksa, Inikah manusia yang hendak membawa kebaikan kepada dunia?

Mereka sendiri tidak faham demokrasi. Mereka cuma menggunakan demokrasi untuk kepentingan mereka saja.

Tun menjelaskan tentang demokrasi. Condoleeza Rice daiam kenyataan terbarunya menyebut demokrasi di Asia Barat adalah untuk Amerika, Israel dan dunia yang lebih selamat. Apa komen Tun?

TUN DR. MAHATHIR: Itu bukan demokrasi tetapi kepentingan keselamatan mereka. Kepentingan Israel mengatasi kepentingan dunia. Kalau pun dunia mesti dii-osakkan asalkan Israel selamat, itu diterima. Itu bukan demokrasi.

Kalau demokrasi, kita mengikut suara ramai. Amalan veto di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu tidak demokrasi, Tidak usah cakaplah tentang demokrasi. Sebenarnya tiada demokrasi daiam hal ehwal antarabangsa.

Malah di AS sendiri tiada demokrasi. Mediannya melakukan *self censorship*, tidak melaporkan apa yang berlaku di Iraq. (Calon Presiden) John Kerry juga daiam kempennya tidak berani sepatah pun bercakap terhadap Israel. Itu sebabnya saya katakan dulu Israel menguasai dunia secara tidak langsung melalui AS. Tiada seorang pun rakyatnya yang berani bercakap menentang Israel. Jadi enam juta orang Yahudi menguasai seluruh AS. Adakah itu demokrasi?

Jadi pada pendapat Tun, apakah sistem yang sesuai untuk Iraq?

TUN DR. MAHATHIR: Rakyat Iraq menganggap Saddam zalim tetapi mereka belum sampai ke tahap boleh menerima sistem demokrasi. Bukan semua orang boleh faham dan menerimanya. Daiam demokrasi mesti ada tolak ansur. Kalau ada manusia yang tidak tahu memaafkan dan melupakan apa yang telah berlaku, sukar untuk kita rnelaksanakan demokrasi.

Mungkin sistem feodal lebih baik. Kita tahu kepimpinan Harun ar-Rashid itu sistem feodal. Tetapi seorang r^ja yang sanggup bejalan di tengah malam untuk melihat keadaan rakyat, itu tidak kurang baikny daripada demokrasi. Mungkin mereka memerlukan pemimpin yang feodal.

Mungkin tekanannya berat, mungkin juga pembunuhan berlaku tetapi apa bezanya pembunuhan yang diakukan oleh Saddam berbanding dengan pembunuhan yang lebih banyak akibat serangan AS ini. Bukan saya hendak sokong Saddam, tidak. AS menyerang Fallujah sehingga lebih 100 orang mati. Orang sldt pun mereka sanggup tembak. Apa bezanya Saddam dengan rejim yang ada sekarang ini?

Siapakah yang boleh menentukan

mas a depan Iraq?

TUN DR. MAHATHIR: Perkara ini susah sedikit kerana apa yang hendak ditentukan bukan hanya masa depan Iraq tetapi juga perlu merangkumi pelbagai isu.

Misalnya, kalau sekarang ini tentera AS keluar, apakah keadaan akan lebih aman semata-mata kerana Iraq diperintah oleh rakyatnya sendiri? Kepada saya, tidak aman juga. Ini kata orang akibat daripada mery'olok sarang tebuhan.

Mungkin PBB akan mengambil alih tetapi itu juga tidak meiyamin keamanan, akan tercapai. Proses ini akan mengambil masa sehingga mereka faham had-had daiam demokrasi. Demokrasi bukan bermakna kebebasan tanpa had; harus ada sekatan-sekatan tertentu.

Adakah sifat hangsa Arab itu sendiri ada kaitan dengan masalah penerimaan mereka itu?

TUN DR. MAHATHIR: Mungkin juga. Budaya etnik Eropah dan bangsa Arab tidak sama. Orang Arab biasa dengan pemerintahan feodal tetapi Eropah sengaja cucuk menyuruh sistem itu ditamatkan. Umpamanya di Iraq. Ada beberapa orang pemimpin Iraq yang hidup membuang diri di negara lain. Mereka ini memberikan maklumat yang tidak betul kononnya ada senjata pemusnah besar-besaran. Mereka yang menyebabkan kepincangan itu berlaku.

Nasihat Tun kepada rakyat Iraq khususnya?

TUN DR. MAHATHIR: Ketiga-tiga puak yang ada itu perlu faham bahawa mereka tidak boleh dapat segala-galanya untuk diri sendiri. Mereka terpaksa bersedia untuk berkongsi kuasa. Mereka kena faham bahawa kebebasan ada hadnya, ada undang-undang dan sekatan.

Tetapi ini bermakna menukar budaya. Menukar budaya sesuatu bangsa mengambil masa yang panjang. Budaya Melayu yang feodal juga cukup sukar ditukarkan. Sehingga sekarang ini sifat-sifat feodal pada orang Melayu itu masih ada.

Jadi untuk menukar orang Arab daiam sekelip mata — hari ini feodal, esok jadi demokrasi adalah sesuatu yang bodoh dan naif. Ini menunjukkan betapa ceteknya pemikiran bangsa Eropah. Kita boleh kata kepada orang Arab: "Awak mesti demokratik." Cakap senanglah.

Bilakah impian bahawa AS perlu menghentikan polisinya menyokong Israel boleh tercapai?

TUN DR. MAHATHIR: Saya kalah pilihan raya 1969. Saya dapat sokongan yang kuat daripada orang Melayu. Tetapi orang Melayu terbahagi dua - menyokong UMNO dan Pas. Oleh itu yang menentukan kemenangan ialah orang Cina dan India. Apabila orang Cina bencikan saya dan menyokong Pas, Pas menang.

Demikian juga di AS. Orang Yahudi tidak ramai tetapi mereka *solid*. Kalau dapat arahan sokong orang tertentu mereka akan menyokongnya. Kalau ada mana-mana calon pemimpin di AS yang tidak menyokong Israel, cha akan kalah.

Mereka mengutamakan kepentingan diri sendiri untuk jadi pemimpin, bukannya kepentingan tentang keadilan, kedaulatan undang-undang. Itu semua *rubbish*. Bukan hajat mereka mahu melihat dunia ini ditadbir dengan undang-undang. Mereka hanya tahu bercakap s^ja, hipokrit. Apa yang mereka pentingkan ialah hendak menang daiam pilihan raya, dapat jadi Presiden. Apalagi Bush sangat mengharap-kan untuk menang bagi penggal kedua.

Saya tidak fikir Bush atau Kerry berani bersuara menentang Israel daiam kempen pilihan raya presiden ini. Itu sebab saya katakan Israel menguasai dunia secara proksi.

Tidak bolehkah rakyat AS menentukan kemenangan calon yang lain daripada yang dikehendaki oleh Yahudi?

TUN DR. MAHATHIR: Hakikatnya di AS ada dua buah parti. Pecahannya hampir-50-50 antara yang menyokong Republikan dan Demokrat, Daiam keadaan itu golongan minoriti mempunyai kuasa penentu.

Bagaimana kalau orang bukan Yahudi di AS bersatu?

TUN DR. MAHATHIR: Mereka tidak mungkin boleh bersatu terutama orang Islam. Di saua ada lebih seribu persatuan Islam. Sokongan mereka berpecah-belah. Dunia Arab dan Islam pun begitu, berpecah. Ada yang begitu pro-Amerika, ada yang anti-Amerika dan ada yang pen-diariannya tidak tentu hala.

Bagaimanakah Tun melihat kempen Bush memerangi keganasan dengan apabila meminta tambahan peruntukan melebihi AS\$25 bilion untuk operasi di Iraq?

TUN DR. MAHATHIR: Apabila AS menyerang Iraq sa bukan mahu memerangi keganasan tetapi sebenarnya mahu menguasai Iraq atas sebab-sebab tertentu. Minyak salah satu daripada kemirngkinannya. Kalau ia dapat menguasai minyak di Iraq harga minyak mungkin boleh jatuh, Inilah caranya.

Ini berbalik kepada soal siapa ada kuasa dia yang betul. Ini bukan soal keadilan, kedailiatan undang-undang atau demokrasi. Semua itu mengarut dan bohong belaka. Hakikatnya ialah mereka mahu berkuasa. Sejarah bangsa Eropah menunjukkan memang dari dulu mereka suka menindas.

Tiadakn golongan yang betul-betul mahu membantu Iraq?

TUN BR MAHATHIR; Ada, termasuk orang Yahudi juga tetapi tidak ramai, Mereka ini minoriti. Golongan yang majoriti itu menguasai ekonomi, media, Hollywood dan sekarang Kongres AS sendiri. Apa yang boleh kita buat?

Tentang kepimpinan Iraq, siapakah tokoh yang boleh diharapkan?

TUN DR MAHATHIR; Tidak mudah untuk memilih pemimpin di Iraq kerana rakyatnya berpecah belah. Keduanya, pemimpin itu mesti diberi kuasa yang kuat untuk menahan segala bentuk keganasan. Apabila itu dilakukan caranya mungkin dianggap tidak demokratik. Tetapi keganasan tidak boleh dilawan dengan pujuk rayu. Takkanlah orang hendak tembak, kita kata "tolonglah jangan tembak saya," Dia akan tembak juga.

Siapa yang akan sanggupjadi pemimpin dalam sebuah negara yang seperti itu?

Kenyataan Condoleeza Rice membayangkan Iraq bukanlah yang terakhir.

TUN DR. MAHATHIR: Itu kata dia. AS boleh masuk ke Syria atau mana-mana negara Islam yang lain dan tenteranya akan dibunuh. Walaupun kerajaan mahu memberikan kerjasama tetapi rakyatnya tidak mungkin akan berdiam diri membenarkan AS masuk, Orang Islam lain yang berasa terancam akan membunuh siapa juga orang Amerika di mana-mana juga di dunia ini,

Mereka itu pengganas yang tiada undang-undang. KalauAS mahu mencipta dunia seperti itu, silakan. Sekarang ini rakyatnya sudah hidup dalam ketakntan; naik kapal terbang takut, hendak ke mana-mana pun takut. Kalau mereka mahu terus hidup begitu, seranglah.

Mereka boleh serang semua negara Islam tetapi mereka tidak akan dapat menundukkannya seperti dulu.

Pendukung demokrasi percaya kalau sistem itu boleh ditegakkan di Jepun kenapa tidak di Iraq?

TUN DR MAHATHIR: Jepun berbeza kerana ia negara yang hanya ada satu bangsa saja. Kalau pemi mpinnya bertukar pemimpin itu masih juga bangsa Jepun. Iraq lain.

AS sekarang cuba membentuk satu empayar untuk menguasai dunia. Apakah yang boleh kita lakukan untuk menainatkan empayar ini?

TUN DR. MAHATHIR: Terpulang kepada kita, bila-bila pun boleh sama ada mengambil masa yang panjang atau singkat. Tetapi pada pendapat saya, kita tidak ada kesungguhan untuk bertindak. Jangan kata bertindak, untuk bercakap sesuatu yang benar pun kita tidak berani. Kita cakap berlapis-lapis dan berliku-liku sampai orang pun tidak tahu apa yang kita hendak cakap.

Itu masalahnya. Kita di Malaysia kena marah kerana kita berterus terang. Kalau tidak Malaysia pun saya sendiri kerana saya apabila bercakap, saya tidak pernah sembunyi. Apa yang saya hendak kata, saya katakan saja.

Maksudnya dalam bahasa mudah, para pemimpin dunia Islam sudah hilang keberanian?

TUN DR MAHATHIR; Apabila kita hidup senang, duit banyak kita hendak kekalkan kehidupan yang senang di dunia itu. Tetapi ingatlah akhinya kita akan mati juga.

Pada suatu masa negara Arab begitu kuat dan orang Yahudi tiada negara sendiri. Sekarang ini terbalik: Yahudi menguasai dunia dan orang Islam terpinggir. Apakah puncanya?

TUN DR. MAHATHIR: Kerana kita tidak pandai memikirkan strategi dan melaksanakannya. Dalam ucapan saya di OIC (Pertubuhan Persidangan Islam) saya minta supaya kita berfikir, jangan ikut nafsu dan membalas dendam, bunuh-membunuh antara orang Islam dan Israel. Kalau itu tejadi akhirnya apakah yang kita dapat? Tidak dapat apa pun.

Tetapi kalau kita duduk berfikir, ada cara dan strategi yang boleh membawa kemenangan kita. Bukan saja kemenangan maiah kita tidak akan kehilangan apa-apa, Mungkin kita akan untung lagi.

Maksud Tun serangan berani mati itu patut dihentikan sekarang?

TUN DR. MAHATHIR: Ya, apa yang kita dapat daripada serangan berani mati itu? Adakah ia memberikan kesan? Mereka akan marah, semua orang marah. Akhinya orang Islam yang dibunuh apabila mereka melanggar Afghanistan, menyerang Iraq.

Lihat bagaimana AS tidak menyerang Korea Utara sedangkan negara itu jelas mempunyai senjata nuklear.

Kita mempunyai kuasa yang lain untuk melawan mereka selain daripada menyerang membuta tuli. Tetapi kita tidak mahu guna. Saya pernah bercakap tentang minyak sebagai senjata. Selain itu orang Arab menyimpan duit dengan banyak di AS.

Kalau kita tarik keluar duit itu, AS sekarang ini boleh bankrap. Duit yang ia gunakan sekarang adalah duit orang lain yang disimpan di sana. AS boleh memberikan kita pinjaman dengan duit itu dan kita kena membayar dengan kadar yang lebih tinggi daripada yang kita dapat dengan menyimpan di sana.

Soalnya kenapa kita menyimpan duit di sana dalam dolar Amerika? Kenapa kita berdagang dengan dolar Amerika?

Kalau kita atur strategi ini, saya percaya ia akan lebih berkesan daripada mengikat bom pada badan dan meletupkan orang ramai. Buat apa membunuh orang yang tidak berdosa? Dari segi Islam pun itu tidak baik. Kalau yang mati itu tentera tidak mengapalah tetapi masalahnya mereka itu rakyat biasa. Selepas itu Israel membalas dendam sehingga membunuh Syeikh Ahmad Yassin dan Dr. Abdul Aziz Rantisi. Kita menang apa?

Pada masa yang sama mereka ada wang dan senjata. AS berhutang dengan dunia AS\$4 trilion tetapi ia sebuah negara yang kaya. AS boleh melakukannya kerana kita menyimpan duit di negaranya. Duit itulah yang ia gunakan untuk menjamin keayaannya. Tidak bodohkah kita? Jumlah simpanan itu bukan sedikit, Negara-negara pengeluar minyak, dapat duit minyak simpan di sana. Apabila dolar jatuh kita menghadapi masalah yang **be3ar** sehingga bampir bankrap ekonomi, Dolar Amerika sekarang jatuh hampir 41 sen berbanding dengan euro. Tetapi apakah AS menghadapi masalah ekonomi? Tidak.

Tun melihat masalah Iraq dan Palestin ini berkait rapat?

TUN DR. MAHATHIR: Ia bermula sebenarnya dengan masalah Palestin. Iraq cuba mengadakan senjata pemusnah besar-besaran kerana masalah di Palestin. Kemudian Israel menghantar pesawat mengebom tempat simpanan atom Iraq. Bagaimana Iraq tidak marah? Israel bebas mengebom negara lain tanpa perang. Kalau ia mahu mengebom Kuala Lumpur ia boleh lakukan. Kalau kita marah ia akan kata "tengok 'Pak Cik Sam' ada di sana. Marahlah. Tengok apa akan jadi."

Dr. Chandra Muzaffar pernah mencadangkan supaya dunia Islam memutuskan hubungan dan memboikot dagangan dengan Israel.

TUN DR. MAHATHIR: Ya, cadangan itu memang baik dan kita sudah laksanakan lama dulu. Kita tiada hubungan diplomatik dan tidak berniaga dengan Israel. Ekonomi kita masih baik berbanding negara yang ada hubungan dengan Israel, Mereka mengadakan hubungan dengan harapan mahu mempengaruhi Israel tetapi lihat apa yang berlaku.

Bagi saya kita tidak akan rugi kalau tiada hubungan dengan Israel, Dalam wawancara dengan akbbar Israel baru-baru ini, saya ditanya hal itu. Saya katakan Malaysia tidak berdagang dengan Israel tetapi tentulah kita tidak dapat menahannya kalau ia membeli barangan kita dari Singapura dan Rotterdam. Semasa kita memboikot Afrika Selatan dulu pun begitu juga.

"Jangan harap kepada AS dan Israel untuk selesaikan kepincangan dunia"

Bagaimanakah dunia boleh menangani dasar campur tangan AS sehingga boleh mencebroh dan menjatuhkan kerajaan sesebuah negara seperti yang berlaku ke atas Iraq?

TUN DR. MAHATHIR: Ini soal siapa yang kuat. Siapa yang kuat boleh buat apa saja dan menjadi halal. Siapa yang tidak kuat kalau buat perkara yang halal pun boleh menjadi haram.

Kalau mahu ada macam-macam cara ia boleh ditangani. Misalnya kenapa kita perlu berdagang dengan mata wang AS sedangkan kita boleh menggunakan mata wang lain? Kalau kita tidak guna mata wang AS nilainya akan jatuh. Kita tidak payah berperang untuk menanganinya. Mudah.

Sebagai contoh, kalau kita tidak suka dengan sebuah bank di sini dan semua orang tidak menyimpan duit di situ, apakah yang akan terjadi kepada bank itu? Ia tidak akan ada wang untuk memberikan pilyaman kepada para pelanggan. Masalahnya kita memberikan modal kepada AS dan selepas itu kita menyalahkannya. Kenapa salahkan AS, aalahkah diri sendiri.

Kita tiada kuasa tentera seperti AS. Kalau kita hendak lawan dengan kuasa tentera, kita tidak flkfm boleh menang. Walaupun AS juga mungkin tidak akan menang tetapi kita akan binasa. Tetapi dengan cara ini, melawan secara ekonomi, kita akan menang.

Hal ini pernah dibahayakan dan diafeui satu cadangan yang baik. Tetapi soalnya bilakah ia boleh dilaksanakan?

TUN DR. MAHATHIR: Tidak tabulah. Orang yang kuat kalau tidak menggunakan tenaganya, orang itu tidak kuat juga. Kalau kita mempunyai otot yang paling kuat tetapi kita tidak gunakan otot itu apabila orang datang tumbuk, akan jatuh juga.

Adakah Tun pesimis?

TUN DR. MAHATHIR: Dari segi jangka pendek dan sederhana, saya pesimis tetapi apa yang akan berlaku pada masa akan datang, tidak boleh dyangka.

Suatu hari nanti manusia akan sedar bahawa perang bukan jalan penyelesaian kepada masalah dunia.

Tetapi sebahagian pemimpin Islam tidak berani, tiada tindakan susulan dan tidak berorientasikan penyelesaian. Bagaimanakah kita mahu menukar keadaan ini?

TUN DR. MAHATHIR: Mungkin dengan terus menyuarakan pendapat ini kepada mereka; tidak semestinya dengan mengutuk kerana itu cuma akan menyebabkan masyarakat Islam terus berpecah. Kita perlu terangkan kepada mereka bahawa yang salah ialah orang Islam. Tidak payahlab menuding kesalahan orang lain.

Kita boleh tunjukkan kesalahan orang lain tetapi mereka tidak

akan membetulkan diri semamata untuk kita menang. Saya baru-baru ini bersyarah di Yemen dan saya ditanya tentang kesalahan AS dan Israel kepada dunia.

Saya kata, kita perlu betulkan salah kita. Hendak membetulkan diri sendiri lebih mudah daripada membetulkan kesalahan orang lain, Mudah saja. Apakah kita berpegang dengan ajaran Islam yang sebenarnya? Orang Islam itu bersaudara tetapi apakah kita bersaudara? Kita bertanggungjawab untuk mempertahankan ummah tetapi apakah kita membuat perediaan untuk mempertahankannya? Ini hal-hal yang asas,

Tetapi masalahnya kita masih berkelahi tentang hal-hal titik bengkik, tentang perbezaan ibadat. Itu yang lebih kita utamakan. Ajaran Islam yang pukal-pukal itu kita tidak peduli,

Menjelang 30 Jun ini tempoh yang menjadi perhatian. Apa yang akan berlaku nanti?

TUN DR. MAHATHIR: Saya berpendapat AS tidak akan menyerahkan Iraq kerana tenteranya masih ada di situ. Kerajaan yang akan mentadbir masih di bawah tentera AS. Jadi tidak usahlah bercakap tentang hendak menyerahkan semula Iraq.

Tetapi kalau AS betul-betul serah dan keluar dari situ keadaan akan jadi lebih buruk daripada zaman Saddam. Mereka akan berperang sesama sendiri antara Sunni, Syiah dan Kurdish. Keadaan tidak akan jadi lebih baik sedangkan AS mengatakan ia menakluk Iraq untuk membawa demokrasi. Demokrasi apa sekiranya semua orang hidup dalam ketakutan.

Jadi apakah penyelesaiannya?

Dulu orang takut kepada Saddam tetapi mereka duduk baik-baik, tabik dia — tidak ada apa yang berlaku. Tetapi selepas ini kalau duduk diam diri pun orang akan bunuh juga. Baru-baru ini mereka membunuh di dalam masjid ketika sambutan As-syura. Orang terlupa bahawa pada zaman dulu apabila orang Kristian diserang, mereka lari ke gereja untuk mencari keselamatan. Gereja itu dianggap tempat suci, tidak boleh diserang. Tetapi sekarang orang Islam yang lari ke masjid diserang atas aiasan mereka itu tentera. Tetapi mereka yang terbunuh itu tiada senjata pun,

Bolehkah dunia kembali kepada keadaan sebelum 11 September 2001?

TUN DR. MAHATHIR: Boleh, hanya sekiranya AS berlaku adii kepada semua pihak terutamanya tidak menyokong Israel kalau ia membuat salah. Keduanya, rakyat Palestin yang dihalau dan dirampas tanah, ladang dan rumah mereka, hak itu mesti dipulangkan.

Tetapi Israel tidak mahu kerana kalau hak itu dipulangkan, rakyatnya akan jadi golongan minoriti. Kalau AS berpegang kepada demokrasi, ia mesti menyerahkan kem-

bali hak itu, barulah semua masalah ini boleh selesai,

Selagi ini tidak dilakukan mereka akan berperang sampai bila-bila.

Tidaklah semua itu harapan yang tidak mungkin akan berlaku?

TUN DR. MAHATHIR: Orang AS tidak mendapat berita yang benar. Mereka tidak berminat dengan apa yang berlaku di luar AS. Kepada mereka, AS itu adalah dunia dan negara-negara lain tidak ada kena-mengena. Mereka lebih suka menonton rancangan hiburan dan sukan di televisyen daripada mehhat tentang penderitaan manusia di Asia Barat.

Isu keganasan masih tidak selesai kerana belum ada definisi, Usaha melawannya belum masuk ke peringkat menawan hati dan minda. Apakah kesudahannya?

TUN DR. MAHATHIR: Saya pereaya negara-negara dunia (yang menyokong AS) akan melalui pengalaman seperti Sepanyol. Rakyatnya menolak kerajaan pimpinan Jose Aznar yang begitu baik dengan AS. Kerajaan baru kemudian menarik keluar tenteranya di Iraq. Peristiwa pengeboman seperti di Madrid tidak akan berlaku lagi di Sepanyol tetapi boleh berlaku di negara lain.

Sekarang ini perbelanjaan untuk keselamatan cukup tinggi. Apakah untungnya menjaga Israel sehingga begitu sekali? Sekarang ini semua stesen kereta api di England, Perancis dan Jerman terpaksa dikawal ketat. Bagaimana dengan tempat lain? Akhirnya semua orang jadi pengawal keselamatan.

Fikiran mereka ini cetek; hendak melawan kekerasan dengan kekerasan. Keganasan tidak boleh dilawan dengan kekerasan tetapi harus dengan diplomasi dan harus juga menyelesaikan puncanya. Pengalaman kita di Malaysia melawan komunis itu adalah contohnya. Kita menangani kepincangan yang menjadi punca masalah itu. Memenangi hati dan minda mereka.

Tetapi ini tidak mungkin akan dilakukan oleh AS.

TUN DR. MAHATHIR: Ya, kerana ia masih percaya kepada kekuatan ketenteraan. Sepanjang masa ia mencipta senjata demi senjata.

Harapan Tun tentang Iraq?

TUN DR. MAHATHIR: Masa akan berlalu dan lebih ramai lagi yang akan terbunuh baik rakyat Iraq mahupun tentera AS. Saya harap akan timbul kesedaran di kalangan masyarakat dunia dan muncul pemimpin seperti Perdana Menteri Sepanyol yang baru itu. Saya berharap mereka ini akan mencari penyelesaian untuk menangani punca perkara ini berlaku melalui diplomasi dan pada masa yang sama, kekerasan.